

BULETIN PELESTARIAN

BAHAGIAN PENDAFTAR, UTM KUALA LUMPUR



TRIVIA : HARI BUMI SEDUNIA 22 APRIL



Sambutan Hari Bumi (*Earth Day*) diraikan pada 22 April setiap tahun di **192** negara seluruh dunia. Ia mula diperkenalkan dari sebuah gerakan di Amerika Syarikat sejak tahun **1970AN** adalah untuk meningkatkan kesedaran serta melibatkan penyertaan orang awam dalam usaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

TEROKAI APA YANG TERDAPAT DALAM ISU INI:

- *Kempen "Jom Laksanakan Pelupusan Rekod Jabatan" peringkat UTMKL*
- *Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) BPKL*
- *Program Taman Mini BPKL*
- *Program Brisk Walk BPKL*

Tema Hari Bumi bagi Tahun 2021 ialah **'PULIHKAN BUMI KITA'**

yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai alam sekitar untuk generasi akan datang.

Antara simbolik yang di adaptasi oleh BPKL bagi menyokong Hari Bumi Sedunia ini ialah dengan menyarankan kempen "**Turn off the lights and turn up for the planet**". Semoga usaha yang kecil ini memberi manfaat yang besar kepada bumi kita.



Kempen Penjimatan Tenaga Elektrik di BPKL



Selain itu, antara aktiviti lain yang telah dijalankan di BPKL sempena Bulan Hari Bumi ini adalah kempen amalan penjimatan tenaga elektrik di pejabat bagi mendukung hasrat Kampus Lestari.



Sesi Renungan Pagi (SRP)

Tajuk : Penjimatan Elektrik

Tarikh : 29 Mac 2021

Penyampai : Pn. Siti Nur Adilah binti Mhd Ismail

Sesi perkongsian bersama staf Bahagian Pendaftar, UTMKL (BPKL) mengenai tips-tips penjimatan yang boleh diamalkan dan peranan kita sebagai seorang staf UTM.

JOM LAKSANAKAN PELUPUSAN REKOD

Kenapa perlu lupuskan rekod?

- Mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan
 - Akta ANM 2003
 - Arahan Perbendaharaan 150 & 289
 - Surat Pekeliling Perbendaharaan 9/1986
 - Surat Pekeliling Am Bil. 1/1997, 5/2007
- Penjimatan kos ruang, peralatan dan penjagaan rekod
- Memastikan rekod yang diperlukan sahaja disimpan dan disenggara di Pejabat Awam
- Rekod bernilai kekal dipindahkan segera ke ANM sebagai khazanah warisan negara.

BPKL sentiasa bersedia untuk memberi khidmat nasihat berkaitan pelupusan. Hubungi kami di talian 03-2615 4466 atau emel kepada emiazreena-sps@utm.my

KEMPEN "JOM LAKSANAKAN PELUPUSAN REKOD JABATAN" PERINGKAT UTMKL



Rekod mengandungi maklumat merupakan sumber berharga dan aset organisasi yang amat penting. Pendekatan sistematik dalam pengurusan rekod adalah penting bagi sesebuah organisasi dan masyarakat bagi melindungi serta memelihara rekod sebagai bukti tindakan.

- MJIIT 8 MAC 2021
- ABM (UNIT FLEET) 9 MAC 2021
- UTM INTERNATIONAL 26 MAC 2021
- PPD SPACE 8 APRIL 2021
- PEJABAT TNCPi 30 APRIL 2021

Sistem pengurusan rekod merupakan sumber maklumat mengenai aktiviti organisasi yang menyokong aktiviti dan keputusan berikutnya, di samping memastikan kebertanggungjawaban kepada pihak yang berkepentingan pada masa kini dan masa hadapan. Memahami "Kitaran Hayat Rekod" dan amalan pengurusan rekod di jabatan dapat menyediakan tadbir urus yang baik.

Sehubungan itu, BPKL telah melaksanakan inisiatif secara bersasar kepada Pusat Tanggung Jawab (PTJ) di UTM Kuala Lumpur. Melalui inisiatif ini, PTJ diberi tunjuk ajar untuk membuat pelupusan rekod secara teratur. Kempen yang dijalankan secara berterusan ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.



EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

BAHAGIAN PENDAFTAR, UTM KUALA LUMPUR



Pada 6 April 2021 yang lalu Bahagian Pendaftar UTM Kuala Lumpur telah mengadakan **Bengkel Pemantapan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)** peringkat UTMKL, bertempat di Dewan Banquet Tan Sri Ainuddin Wahid, UTMKL. Bengkel ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Puan Siti Meriam Hussein, Champion EKSA lantikan Mampu.

Objektif bengkel adalah bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan berkualiti iaitu selamat, bersih, kemas dan selesa pada setiap masa.

Sesi gotong-royong di Bahagian Pendaftar UTMKL merupakan aktiviti anjuran bersama pelbagai jawatankuasa utama seperti Pelestarian, OSHE, Kualiti dan EKSA yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, bersih, kemas dan selesa pada setiap masa.

Antara objektif utama gotong-royong bagi sesi kali ini adalah untuk memastikan barang-barang lama yang tidak digunakan disisih dan dibuang. Aktiviti ini memfokuskan ruang seperti pantri, stor, tandas, bilik fail dan ruang kerja masing-masing.



MEMPERKASA TAMAN MINI

BAHAGIAN PENDAFTAR, UTM KUALA LUMPUR



INISIATIF KHAS PELESTARIAN



Walaupun BPKL berada di tengah-tengah kota metropolitan, tidaklah menjadikannya sebagai halangan untuk membentuk persekitaran hijau yang segar. Inisiatif-inisiatif seperti program Taman Mini BPKL telah menjadi pemangkin kepada peningkatan kesedaran kelestarian hijau dan kepentingan dalam mengamalkan gaya hidup sihat seterusnya memupuk semangat kebersamaan dalam aspek kehidupan seharian yang lebih sejahtera.

Ia juga merupakan manifestasi sejauh mana warga BPKL memanfaatkan sumber sedia ada secara efisien untuk meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga supaya dapat memelihara sumber serta

meningkatkan kualiti persekitaran sejajar dengan **Pembangunan Lestari (SDG)**.

Beberapa siri gotong-royong telah diadakan dikalangan Anggota Seksyen Keselamatan bertarikh 22 hingga 24 Februari, 20 Mac dan 2 April 2021. Anggota keselamatan telah menggunakan kemahiran sendiri yang dilaksanakan secara sinergi untuk membina empangan mini bagi memudahkan saluran air masuk ke dalam takungan serta membina pondok rehat untuk kegunaanarganya.

Selain itu, antara keistimewaan takungan ini juga ialah sebagai kolam ikan bagi tujuan pemuliharaan ekosistem di kawasan tersebut.

Semoga dengan adanya program seumpama ini dapat menyemarakkan semangat kelestarian agar keseimbangan dari aspek rohani dan jasmani warga BPKL tercapai.



BRISK WALK BPKL SRP BIL.4/2021



Bagi Sesi SRP bertarikh 22 Mac 2021 telah dilaksanakan dengan sedikit kelainan dimana staf BPKL melakukan Brisk Walk di sekitar kampus UTM Kuala Lumpur.

Antara manfaat diperolehi daripada Brisk Walk adalah untuk mengurangkan tekanan darah tinggi, memperbaiki degupan jantung, menghilangkan tekanan dan paling penting cepat membakar lemak dalam badan.

Seterusnya, program diteruskan dengan sesi gotong-royong petak pasu atau lebih dikenali sebagai Landskap@BPKL bagi tujuan memperkemas kembali petak tersebut.



BERSIH, INDAH DAN SEJAHTERA



Sidang Redaksi

PENASIHAT

*Tn. Hj. Mohd Najib bin Masroom
Ketua Bahagian, Bahagian Pendaftar UTMKL*

KETUA EDITOR

*Puan Nurulhaslinda binti Muhd Sidek
Pegawai Pelestarian, Bahagian Pendaftar UTMKL*

PEREKA GRAFIK

Puan Nurul Syahida binti Seberi

PENULIS BERSAMA

*Puan Nurul Syahida binti Seberi
Puan Noorhafiza binti Noordin
Puan Siti Nur Adilah binti Mhd Ismail*

PEMBACA PRUF

Cik Azian Suzana binti Mustafa

Diterbitkan oleh

**Jawatankuasa Pelestarian
Bahagian Pendaftar, UTM Kuala Lumpur**